



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

4 OKTOBER 2021 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

Bekalan ayam berkurangan jadi tanda tanya

Harga melebihi RM10, timbul kekusaran kepada pembeli

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Bekalan ayam mentah yang berkurangan di pasar basah dan gerai di sekitar Pengkalan Chepa sejak tiga hari lalu menimbulkan kekusaran dan tanda tanya pembeli.

Harga ayam itu juga melambung tinggi sehingga mencecah RM10.30 sekilogram sejak sebulan lalu iaitu paling tinggi tahun ini.

Seorang peniaga, Mohd Nazwan Nazari, 25, berkata, jual-nya ayam berkurangan kerana perniagaan memperoleh bekalan terhad daripada pembekal dan pemborong.

Katanya, peruncit atau penjualnya boleh mengambil 20 sehingga 30 ekor ayam sahaja setiap hari berbanding 100 ekor sebelumnya.

“Kami sendiri tidak pasti

punca bekalan dihadkan dan terpaksa akur kerana perlu meneruskan perniagaan.

“Harga jual yang mahal ini disebabkan harga ayam yang diperolehi daripada pembekal meningkat iaitu lebih RM8 sekilogram berbanding sekitar RM5 hingga RM6 sekilogram sebelum ini,” katanya ketika ditemui di Pasar Cabang Tiga, di sini, pada Ahad.

Seorang lagi peniaga, Wan Mustaqim Wan Mohd Zulkiflie, 32, mengakui tidak tahu-punca kenaikan harga dan kekurangan bekalan ayam di pasaran.

Menurutnya, mereka dimaklumkan pembekal harga dedak mahal menyebabkan harga ayam turut meningkat.

“Kami terpaksa menaikkan harga lebih tinggi untuk mendapatkan sedikit untung ber-

niaga,” katanya.

Sementara itu, pelanggan Nafidah Mohd Hanifa, 45, mengeluh apabila terpaksa pergi ke tiga tempat menjual ayam termasuk di Sabak dan Kota Bharu tetapi tidak dapat membeli bahan mentah itu.

“Abang saya berniaga di kedai makan di Kota Bharu juga memberitahu tidak ada ayam di sekitar bandar ini. Bagaimanapun, saya dapat beli ayam di Pasar Cabang Tiga Pengkalan Chepa,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Azanizam Affendi-Juri dalam satu kenyataan berkata, pemantauan pihaknya di sekitar Kota Bharu mendapati dua lokasi menjual ayam dengan harga RM8.50 sehingga RM10.30 sekilogram iaitu di Pasar Pengkalan Chepa dan Pasar



Ayam kuning yang dijual di Pasar Cabang Tiga, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

RTC Tunjong.

“Ayam tersebut jenis ayam kuning yang tidak termasuk di bawah kategori ayam standard menyebabkan lebih mahal.

“Harga ayam terendah RM5.99 hingga RM8.50 sekilogram pula boleh didapati di

Pasaraya Lotus dan Pacific Kota Bharu manakala ayam yang dijual di gerai tepi jalan sekitar RM8 sehingga RM8.50 sekilogram,” ujar beliau.

Bagaimanapun punca kekurangan bekalan yang didakwa pula masih dalam siasatan.

Tambah permit import besi stabil harga, kekang kartel

Persatuan kontraktor minta kementerian campur tangan

Oleh Saiful Haizan Hasam dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Beberapa persatuan kontraktor meminta campur tangan kerajaan bagi mengawal kenaikan harga bahan binaan, terutama yang berasaskan besi menerusi langkah drastik, termasuk mengeluarkan lebih banyak permit import (AP) besi.

Mereka berpendapat pmbukaan AP besi kepada pelbagai pihak, termasuk persatuan kontraktor selain dapat mengekang

isu kartel, akan turut menstabilkan harga kerana ada saingan di pasaran terutama besi dari China yang lebih murah.

Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM), Datuk Azman Yusoff, yang melambungkan ketika ini dakwa berlaku akibat amalan kartel dalam kalangan pengeluar besi tempatan yang lebih mengutamakan pasaran eksport berbanding dalam negara.

"Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu campur tangan pastikan harga besi seimbang antara pasaran tempatan dan dunia," katanya.

Isu sama turut dikongsi Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Seri Mohamed Fadzill Hassan yang menjelaskan bahawa

selain penutupan kilang akibat pandemik COVID-19, kekurangan bekalan besi di Malaysia berpunca daripada tindakan pengeluar besi tempatan yang mengeksport ke China.

Katanya, harga besi meningkat dengan ketara daripada RM2,300 kepada RM3,600 satu tan akibat bekalan yang tidak mencukupi dalam pasaran tempatan sedangkan permintaannya tinggi.

Perkara itu katanya, dimaklumkan wakil persatuan pengilang besi kepada bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam satu pertemuan yang turut disertai PKMM beberapa bulan lalu.

"Mereka jual kepada China dalam jumlah besar kerana nak dapatkan harga yang lebih baik. Saranan saya, bukalah AP, jangan hanya diberikan kepada dua tiga syarikat sahaja yang pegang. Ini menyebabkan kewu-

judan kartel.

"Kerajaan boleh berikan AP besi kepada persatuan kontraktor dan apabila ada persaingan, barulah harga turun.
"Dulu kerajaan pernah buat apabila harga besi terlalu tinggi, terus pengeluar besi turunkan harga sebab mereka takut terjejas," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Mohd Fadzill berkata, bekalan besi import yang memenuhi spesifikasi kerja pembinaan boleh diperolehi dari negara seperti Vietnam dan China.

"Kita boleh dapat harga yang lebih baik jika diimport daripada pembekal utama dalam jumlah yang besar," katanya.

Berkongsi pandangan sama, Azman berkata, kerajaan disarankan membuka AP bahan besi masuk ke Malaysia, terutama dari China kerana sekarang ia tak boleh diimport, sekali gus

Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya dan KPDNHEP perlu campur tangan pastikan harga besi seimbang antara pasaran tempatan dan dunia



Azman Yusoff,
Presiden
PKBM

pengeluar besi tempatan kawal harga sepenuhnya.
Azman percaya, jika kenaikan harga bahan binaan berasaskan besi itu berterusan, ia akan menyebabkan ramai kontraktor Bumiputera gulung tikar dan meningkatkan jumlah projek terbengkalai.

Katanya, kontraktor terkesan kerana harga bahan binaan naik lebih 70 peratus berbanding harga dalam kontrak yang hanya menetapkan margin keuntungan sekitar 10 hingga 12 peratus sahaja.



Senarai Harga Barang Keperluan

<ul style="list-style-type: none"> • Ayam RM5.99 • Daging Lembu Tempatan RM36 • Daging Lembu Import RM29.90 	<ul style="list-style-type: none"> • Telur Gred A RM11.90 • Ikan Kembung RM9.90 • Minyak Masak RM6.50 	<ul style="list-style-type: none"> • Gula Pasir RM2.00 • Bawang Besar Holland RM2.99 • Bawang Putih RM6.99 	<ul style="list-style-type: none"> • Cili Merah RM9.00 • Kubis Bulat Tempatan RM3.00 • Tepung Gandum RM2.09
---	---	--	---

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP